

23/01/1997

Landasan kereta api laju di Kedah

Hassan Omar

ALOR STAR, Rabu - Kedah akan mengemukakan kertas cadangan pembinaan landasan kereta api laju dari Bukit Kayu Hitam ke Seberang Prai, Pulau Pinang kepada Kerajaan Pusat bagi meningkatkan kemajuan ekonomi negeri.

Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid berkata, selain memajukan sektor pelancongan, pelaksanaan projek itu juga bakal mengatasi masalah pengangkutan pekerja kilang dari negeri ini ke Seberang Prai.

"Kertas cadangan itu sedang disediakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengangkutan dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Beh Heng Seong.

"Kita akan benarkan pembinaan asrama dan kemudahan penginapan yang lain bagi pekerja kilang di kawasan berhampiran landasan bagi memudahkan mereka bergerak ke kilang di Seberang Prai," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco), di sini hari ini.

Sehubungan itu, katanya, Kerajaan negeri akan berbincang dengan pemilik tanah di kawasan yang bakal dibina landasan bagi mencari kaedah memajukan tanah berkenaan sebagai laluan kereta api laju.

Idea pembinaan kereta api laju dicetuskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melawat Kubang Pasu, 9 Januari lalu.

Berucap pada majlis jamuan teh bersama pemimpin Barisan Nasional negeri, Dr Mahathir berkata, keadaan geografi Kedah yang bertanah pamah amat sesuai untuk pembinaan landasan kereta api yang mampu bergerak selaju 170 kilometer sejam itu.

Penggunaan kereta api itu mampu memendekkan tempoh perjalanan satu jam 15 minit dari bandar ini ke Seberang Prai dengan menggunakan Lebuhraya Utara-Selatan kepada 45 minit saja.

Sanusi juga berkata, Kerajaan negeri akan menubuhkan Persatuan Qari dan Qariah Kedah bertujuan meningkatkan kualiti pembacaan al-Quran di kalangan pelajar berikutan kemerosotan kualiti pembacaan di kalangan mereka.

"Saya dapati mutu bacaan al-Quran pelajar sekolah menengah agama ketika menghadiri Tilawah al-Quran Peringkat Sekolah Menengah Agama Ahad lalu agak rendah," katanya.

Selain itu, menurutnya, mesyuarat berkenaan turut membincangkan cadangan menawarkan peluang kepada sektor swasta untuk membangunkan Tasik Putat dekat Bandar Darul Aman sebagai kawasan rekreasi dan restoran.

"Pusat sedemikian mampu menarik kedatangan lebih ramai pelancong asing, terutama dari Thailand," katanya.

(END)